



**LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA LJT NO. 18/2024**

**PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN  
TAPAK UJIAN ALAT *ELECTRONIC DISTANCE  
MEASUREMENT (EDM)/ GLOBAL NAVIGATION  
SATELLITE SYSTEM (GNSS)* DI BAWAH SELIAAN  
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA  
(JUPEM) PULAU PINANG**

## PENGENALAN SEBUT HARGA

**PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAPAK UJIAN ALAT *ELECTRONIC DISTANCE MEASUREMENT (EDM)* *GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM (GNSS)* DI BAWAH SELIAAN JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) PULAU PINANG**

### **PERINGATAN:**

1. Kontraktor dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan Dokumen Sebut Harga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk mendapatkan penjelasan daripada Seksyen Pentadbiran LJT.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Kontraktor adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan sebut harga berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

## KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LJT NO. 18/2024

TAJUK : PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAPAK UJIAN ALAT EDM/ GNSS DI BAWAH SELIAAN JUPEM PULAU PINANG

### PELAWAAN SEBUT HARGA

- 1.1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah pecahan kod bidang CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) atau B04 (Pembinaan Bangunan) yang masih belum tamat tempoh bagi **Perolehan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tapak Ujian Alat EDM/ GNSS di Bawah Seliaan JUPEM Pulau Pinang.**

### 2. KAEDAH PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

- 2.1. Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh Kontraktor, kesemua Kontraktor yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak.
- 2.2. Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Kontraktor, Kontraktor yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak.

### 3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

- 3.1. Dokumen sebut harga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Pejabat LJT, Aras 5, Wisma LJT, Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur **SEBELUM ATAU PADA 20 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT), JAM 12.00 TENGAH HARI.**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK LEMBAGA (LJT) UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

LJT adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga Kerja (**Borang I**),
- b) Borang Ringkasan Sebut Harga (**Borang II**),
- c) Harga dan tandatangan Kontraktor di Jadual Spesifikasi dan Kadar Kerja (**Borang III**),
- d) Borang Maklumat Penyebut Harga (**Borang IV**),
- e) Surat Akuan Pembida dan tandatangan di (**Borang V**)
- f) Senarai semak dan tandatangan.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

Kontraktor boleh merujuk kepada Senarai Semak (Kerja) untuk dokumen-dokumen lain yang perlu dihantar bersama borang-borang di atas.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan bilangan **Sebut Harga LJT No. 18/2024** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

#### 2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin di talian 03-41085191 untuk penjelasan lanjut.

**3. TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan.

**4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

**5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2. INSURANS**

2.1. Kontraktor hendaklah mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja\* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada LJT semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, LJT berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

### **3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA**

3.1. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Jadual Spesifikasi Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan LJT atau Wakilnya.

3.2. Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan

### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat tawaran atau Borang Pesanan, tanpa sebab-sebab yang munasabah, surat tawaran atau Borang Pesanan akan dibatalkan oleh LJT dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

## **5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mensub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada LJT.

## **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH LJT**

- 6.1. LJT atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh LJT, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2. Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada LJT secara bertulis.

## **7. RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1. Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2. Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4. Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada LJT tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan.
- 7.5. Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6. Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1. Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2. Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada LJT untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

LJT berhak membatalkan Borang Pesanan LJT sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada LJT:

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- d) Tidak mematuhi arahan LJT tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **10. BAYARAN KEMAJUAN**

LJT dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

## **11. KERJA PERUBAHAN**

- 11.1. LJT boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh LJT atau yang disahkan kemudian oleh Pegawaiinya boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2. Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh LJT akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh LJT dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

- 12.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikil dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.



- 12.2. Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh LJT dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3. Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, LJT berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada atau tidak mencukupi, LJT hendaklah mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

### **13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pesanan LJT yang telah ditandatangani serta cap/meterai kontraktor, nota penghantaran dan invoice kepada LJT.

### **14. PERAKUAN SIAP KERJA**

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

### **15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

### **16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**BORANG I- SEBUT HARGA KERJA**

**BORANG SEBUT HARGA KERJA**  
Sebut Harga LJT No. 18/2024

.....  
.....  
.....

Tuan,

Sebut harga untuk **Perolehan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tapak Ujian Alat EDM/ GNSS di Bawah Seliaan JUPEM Pulau Pinang.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: .....(RM).....  
.....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... minggu / bulan dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Lembaga Jurukur Tanah.

Bertarikh pada ..... haribulan..... 20....

.....  
Tandatangan Kontraktor

Nama:  
No. K/P:  
Alamat:

.....  
Tandatangan Saksi

Nama:  
No. K/P:  
Alamat:

.....  
Meterai atau Cap Kontraktor

**BORANG II- RINGKASAN SEBUT HARGA****RINGKASAN SEBUT HARGA**

<b>TAPAK UJIAN KALIBRASI GNSS LEBUHRAYA BKE, PERMATANG PAUH, PULAU PINANG</b>			
<b>BIL.</b>	<b>KERJA</b>	<b>TEMPOH PERLAKSANAAN</b>	<b>TAWARAN HARGA (RM)</b>
1	Pembersihan kawasan		
2	Menyediakan laluan jalan kaki		
3	Mengecat pillar		
<b>JUMLAH</b>			
<b>TAPAK UJIAN KALIBRASI EDM DI PADANG POLO JALAN SEPOUI LINES, PULAU PINANG</b>			
1	Mengecat pillar		
<b>JUMLAH</b>			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....

Tandatangan Kontraktor

Tarikh:

**BORANG III- SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA**

**SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA  
PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAPAK UJIAN ALAT EDM/ GNSS DI BAWAH SELIAAN JUPEM PULAU PINANG**

<b>TAPAK UJIAN KALIBRASI GNSS LEBUHRAYA BKE, PERMATANG PAUH, PULAU PINANG</b>						
<b>BIL.</b>	<b>KERJA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>KADAR/HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>SST (RM)</b>	<b>KADAR/HARGA SEUNIT TERMASUK SST (RM)</b>	<b>JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)</b>
1	<b>Pembersihan kawasan (berkeluasan 1000m x 6m):</b>					
	a) Penyediaan Insuran	Pukal				
	b) Pemetongan dan pembersihan rumput. - setiap 2 bulan (6 kali setahun) - Termasuk racun	6 kali				
	c) Meracun rumput. - setiap 4 bulan (3 kali setahun)	3 kali				
2	<b>Menyediakan laluan jalan kaki:</b>					
	Kerja-kerja meratakan tanah & menyediakan laluan pejalan kaki - Keluasan: i. laluan pejalan kaki = 1,238kp ii. keliling pillar = 774kp iii. Jumlah = 2,012kp digenapkan kepada 2,000kp - Menggunakan batu kasaran - Daripada titi konkrit sedia ada ke pillar berdekatan (Rujuk Gambar 1)	2,000kp				
3	<b>Mengecat pillar:</b>					
	- Pillar 1 hingga 6 - Menggunakan cat yang tahan cuaca - Warna biru	6 pillar				
<b>JUMLAH</b>						

**TAPAK UJIAN KALIBRASI EDM DI PADANG POLO JALAN SEPOUI LINES, PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>KERJA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>KADAR/HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>SST (RM)</b>	<b>KADAR/HARGA SEUNIT TERMASUK SST (RM)</b>	<b>JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)</b>
1	<b>Mengecat pillar:</b>					
	- Pillar 1 hingga 10 termasuk penutup - Menggunakan cat yang tahan cuaca - Warna biru	10 pillar				
<b>JUMLAH</b>						
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Jadual Kadar Kerja ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Kadar Kerja.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh:

**BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA**

**A. PROFIL SYARIKAT**

Arahan: **Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebut harga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebut harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.**

**Butir-butir Syarikat**

1. Nama Syarikat:.....
2. No. Pendaftaran Syarikat: ..... Tarikh Tamat: .....
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: ..... Tarikh Tamat: .....
4. Alamat Pendaftaran Syarikat: .....
5. Alamat Surat Menyurat: .....
6. No Telefon: ..... No Faks:.....
7. Taraf Syarikat\*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera / .....% Bukan Bumiputera / .....% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera: .....hingga .....
10. Jenis Syarikat\*: Perseorangan: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain .....(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran sebut harga : .....
12. Tempoh Siap Kerja : .....

**Butir-butir Modal**

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

3. Butiran Kewangan Syarikat.

Sila sertakan salinan penyata item berikut:

- i. 3 bulan terkini akaun bank
- ii. Deposit tetap (jika ada)
- iii. Kemudahan kredit daripada bank (jika ada)

## Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan Warganegara
1.	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....

- Sila potong yang tidak berkenaan

## Struktur Pengurusan Syarikat

Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera	.....	.....
2.	Bukan Bumiputera	.....	.....
3.	Bukan Warganegara	.....	.....

Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera	.....	.....
2.	Bukan Bumiputera	.....	.....
3.	Bukan Warganegara	.....	.....

## B. PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT

1. Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat. Ringkasan adalah seperti jadual di bawah:

Nama syarikat / Agensi serta lokasi	Jenis kerja/ Skop Projek	Tarikh Dijadualkan Tamat	Nilai Projek (RM)

2. Pengalaman dalam melaksanakan projek seumpamanya yang berkaitan dalam 3 tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/ telefon serta jangkamasa/ tahun projek seperti di bawah):-

Maklumat organisasi dan lokasi kerja	Perkara / Skop Kerja	Tempoh Pelaksanaan	Nilai Projek (RM)

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....  
(Tandatangan)

Nama :  
Cop rasmi syarikat :

Tarikh :



**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAPAK UJIAN ALAT EDM/ GNSS  
DI BAWAH SELIAAN JUPEM PULAU PINANG**

*(Perlu diisi dan ditandatangani oleh penyebut harga)*

Saya ..... No. Kad Pengenalan  
..... yang mewakili .....

Nombor Pendaftaran Syarikat ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LJT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pewakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:


**SENARAI SEMAK**  
**PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAPAK UJIAN ALAT EDM/ GNSS**  
**DI BAWAH SELIAAN JUPEM PULAU PINANG**

Sila tandakan ( / ) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	Untuk Ditanda Oleh Penyebut harga	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan sijil pendaftaran daripada Pusat Khidmat Kontraktor (SPKK)		
2.	Salinan sijil taraf bumiputera daripada Pusat Khidmat Kontraktor		
3.	Salinan sijil pendaftaran CIDB		
4.	Borang Sebut Harga Kerja telah diisi dengan lengkap (termasuk harga tawaran dan tempoh pelaksanaan) dan ditandatangani ( <b>BORANG I</b> )		
5.	Ringkasan Sebut Harga ( <b>BORANG II</b> )		
6.	Spesifikasi dan Jadual Kadar Kerja ( <b>BORANG III</b> )		
7.	Borang Maklumat Penyebut Harga ( <b>BORANG IV</b> )		
8.	Surat Akuan Pembida ( <b>BORANG V</b> )		
9.	Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan terkini yang berturutan (dari tarikh tutup sebut harga)		
10.	Lain-lain dokumen yang lain berkaitan sekiranya ada		

<p><b>PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN LJT</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil ..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>
--	---

Gambar 1: Cadangan laluan jalan kaki



NOTA:

- 1-Jumlah Keluasan Laluan Jalan Kaki = 115 m<sup>2</sup>/1238 Kp
- 2-Jumlah Keluasan 6 Tapak Pillar = 72 m<sup>2</sup>/774 Kp
- JUMLAH = 187 m<sup>2</sup>/2012 Kp

**Gambar 2: Kawasan disekitar Tapak Ujian Kalibrasi GNSS Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang**



**Gambar 3: Keadaan pillar di Tapak Ujian EDM Padang Polo, Jalan Sepoi Lines, Pulau Pinang**

